



## SIARAN MEDIA

### PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM 2023

---

**MELAKA, 22 September 2023** – Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) pada hari ini telah melancarkan Program Bermalam Di Muzium 2023 di Muzium Hang Tuah, Kampung Duyong, Melaka.

Program ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2005 di Muzium Negara dan kini telah menjadi salah satu ‘*signature*’ program bagi Jabatan Muzium Malaysia. Pada tahun 2016, program ini dilaksanakan secara serentak di muzium-muzium negeri dan institusi. Program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pelajar-pelajar sekolah di seluruh Malaysia dengan trend peningkatan penyertaan setiap tahun. Namun begitu, program ini pernah dihentikan selama tiga (3) tahun sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan Covid-19 yang melanda negara.

Tahun ini menyaksikan program ini dilaksanakan semula dengan penyertaan seramai 1,551 peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dari seluruh Malaysia melalui penglibatan 25 buah muzium-muzium yang terdiri dari muzium persekutuan, muzium negeri dan muzium institusi. Program ini menyasarkan golongan remaja secara khusus ke arah menyuburkan semangat cintakan tanah air sekaligus memupuk apresiasi yang tinggi kepada warisan sejarah, seni dan budaya negara menerusi aktiviti permuziuman.

Pelbagai pengisian menarik telah diisi sepanjang program ini berlangsung. Antara kelainan yang dibawa adalah Aktiviti Ekspresi Ikat dan Celup dengan mewarnakan t-shirt putih menggunakan warna jalur gemilang iaitu kuning, merah dan biru secara serentak oleh semua peserta yang terlibat di muzium masing-masing. Penghayatan Rukun Negara juga dijadikan salah satu aktiviti wajib pada tahun ini sejajar dengan program dan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam memperkasakan pembudayaan prinsip Rukun Negara di semua peringkat.

Program ini juga dilihat sebagai satu tapak integrasi kepada para pelajar yang terdiri daripada pelbagai lapisan kaum, budaya, bangsa dan agama. Secara tidak langsung mampu memberi impak yang lebih besar ke arah memperkasakan generasi muda negara.

Ketua Setiausaha Perpaduan Negara menyatakan bahawa pengajuran program ini amat bertepatan dan sesuai kepada para pelajar bagi menerapkan nilai-nilai yang baik serta pemahaman terhadap citra negara. Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa memberi sokongan jitu terhadap apa jua program yang memberi penekanan kepada penyatuan masyarakat sama ada melalui kerjasama atau sinergi bersama agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, NGO, organisasi, institusi pengajian tinggi mahupun pihak sekolah.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

22 September 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:-      Unit Komunikasi Korporat  
                                  b.p.: Ketua Setiausaha  
                                  Kementerian Perpaduan Negara  
                                  Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
                                  E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (58)